

1 FEB 1996

Gaji (Fokus Berita)

PENYELESAIAN PELARASAN GAJI AWAM CERMINKAN SEMANGAT MUSYAWARAH

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Sementara kakitangan kerajaan mencongak gaji baru yang akan mereka terima berikutan pelarasan gaji yang diumumkan semalam, penyelesaian isu itu mencerminkan sikap tolak ansur antara majikan dan pekerja khususnya dalam sektor awam di negara ini.

Cuepacs, yang mewakili kakitangan awam, tentulah berasa lega dengan tawaran kerajaan itu kerana pelarasan gaji itu memberikan pertimbangan besar kepada golongan berpendapatan rendah.

Sejak Cuepacs memperjuangkan isu itu 16 bulan lepas, asas tuntutan ialah untuk merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara pekerja terendah dan pegawai pengurusan tertinggi.

"Apa yang kita terima ini satu tawaran yang paling baik bagi kakitangan kerajaan," kata Presiden Cuepacs Encik Mohamad Mat Jid hari ini.

Beliau berkata penyelesaian itu dicapai dengan adanya semangat perundingan antara kedua-dua pihak.

Dengan kenaikan gaji serta elaun perumahan, pakej yang ditawarkan kerajaan itu memastikan tidak ada kakitangan awam yang mendapat gaji kurang daripada RM500 sebulan.

Buat kali pertamanya, 655,000 kakitangan awam akan menerima imbuhan tetap perumahan -- RM85 bagi kakitangan kumpulan sokongan dan RM95 bagi kumpulan pengurusan dan profesional.

Mohamad berkata walaupun kadar RM85 itu mungkin dianggap tidak memadai, namun ia akan tetap melegakan golongan rendah untuk mendapatkan rumah.

Dalam usaha kerajaan menggiatkan pembinaan rumah kos rendah, beliau percaya imbuhan itu juga mungkin mendorong lebih banyak kakitangan awam untuk membeli rumah kerana setidak-tidaknya ia dapat menampung pembayaran.

Sebagai majikan, kerajaan juga telah menunjukkan sikap bertolak ansur dengan kesanggupan menambah RM96 juta kepada tawaran asal RM2,000 juta untuk pakej pelarasan gaji itu.

Sepertimana yang dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi, peruntukan tambahan itu diberikan kerana kerajaan mahu berlaku adil serta memastikan setiap kumpulan perkhidmatan mendapat faedah daripada pelarasan itu.

Melalui pakej itu, kumpulan pengurusan tertinggi akan menerima kenaikan gaji RM100, kumpulan pengurusan dan profesional RM60 manakala kakitangan kumpulan sokongan mendapat kenaikan gaji RM40.

"Kita bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir bahawa agihan pelarasan ini seharusnya dipanjangkan kepada semua anggota awam," kata Mohamad.

Bagi kakitangan yang kini berada pada paras gaji maksimum bolehlah menghela nafas lega kerana pelarasan gaji itu menyediakan dua lagi kenaikan gaji tahunan bagi kumpulan sokongan dan satu kenaikan bagi kumpulan pengurusan dan profesional.

Mohamad berkata ramai juga kakitangan yang kini tidak berpeluang mendapat kenaikan gaji kerana telah mencapai gaji maksimum. -- BERNAMA